

**MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN, PESEKITARAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JPKPKP)
FAKULTI KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI MEKANIKAL (FKTM)
BIL.1-2023**

Tarikh : 15 Februari 2023 (Rabu)
Masa : 9:30 pg – 12:30 tgh
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga, FKTM A

Agenda:

1. Kata aluan pengerusi JPKPKP FKTM
2. Pengenalan ahli-ahli JPKPKP FKTM
3. Pengenalan pengurusan risiko keselamatan di UniMAP
4. Fungsi-fungsi JPKPKP FKTM
5. Sistem pelaporan kemalangan (SHE)
6. Laporan bulanan prestasi keselamatan dan kesihatan oleh JPKPKP FKTM kepada COSHE
7. Pelan-pelan tindakan NCR yang lepas
8. Status dan perancangan untuk zon FKTM D
9. Senarai semak pemeriksaan penilaian tempat kerja dan hasil dapatan untuk 1/2023
10. Kursus-kursus kompetensi yang berkaitan dengan keselamatan, persekitaran dan kesihatan pekerjaan
11. Pelan tahun 2023 aktiviti-aktiviti JPKPKP FKTM
12. Pengurusan keselamatan mesin & jentera FKTM
13. Usul FKTM di mesyuarat JKPP induk 1/2023
14. Hal-hal berbangkit
15. Penutup oleh pengerusi JPKPKP FKTM

Senarai kehadiran ahli JPKPKP-FKTM

BIL	NAMA	KEHADIRAN	
1	Prof. Ir. Dr. Mohd Shukry Abdul Majid	Hadir	1/1
2	Ts. Dr. Syamir Alihan Showkat Ali	Hadir	1/1
3	Ts. Dr. Tan Wee Choon	Hadir	1/1

4	En. Hasrul Nizam Halim	Hadir	1/1
5	Ts. Dr. Nor Zaiazmin Yahya	Tidak hadir dengan sebab	0/1
6	En. Masri Zairi Mohd Zain	Hadir	1/1
7	En. Muhamad Qauyum Zawawi Ahmad Suffin	Hadir	1/1
8	Ts. Muhammad Khairy Md Naim	Hadir	1/1
9	Tc. Narzrezal Abdul Razak	Hadir	1/1
10	En. Rosiswardi Rusli	Hadir	1/1
11	En. Norzarul Asri Kamis	Tidak hadir dengan sebab	0/1

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1	<p><i>Kata aluan pengerusi JPKPKP-FKTM</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Mengucapkan selamat pagi dan mengalu-alukan kedatangan semua yang hadir. Terdapat pertukaran staff dalam JPKPKP dan masih mengekalkan kebanyakan ahli yang lama. JPKPKP merupakan satu keperluan di peringkat fakulti. 	-
2	<p><i>Pengenalan ahli-ahli JPKPKP FKTM</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Ts. Dr. Tan Wee Choon dan Ts. Dr. Nor Zaiazmin Yahya bertukar jawatan antara setiausaha/pengurus JPKPKP dan wakil majikan (wakil pensyarah). En. Hasrul Nizam Halim menggantikan En. Budiman Ikhwande Fadzilah sebagai wakil majikan (wakil staf pejabat). Ts. Muhammad Khairy Md Naim menggantikan En. Mohd Yusri Yahya sebagai wakil pekerja. 	-
3	<p><i>Pengenalan pengurusan risiko keselamatan di UniMAP</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Pengurusan risiko keselamatan adalah tertakluk kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514), Akta Kilang dan Mesin 1967 (Akta 139), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan keperluan ISO45001:2018 Occupational Safety and Health Management. Pengurusan risiko keselamatan di UniMAP dipengerusikan oleh Naib Canselor dan diuruskan oleh COSHE. Maklumat yang berkaitan boleh diperolehi di laman web COSHE UniMAP (https://coshe.unimap.edu.my). 	-
4	<p><i>Fungsi-fungsi JPKPKP FKTM</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Penubuhan JPKPKP FKTM adalah tertakluk kepada garis panduan pengurusan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan OSHMS-1 (pindaan 14 April 2022). JPKPKP dikenali sebagai Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) di peringkat UniMAP. Semasa pengurusan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (FTKM), JKKP telah dijenamakan sebagai JPKPKP dan mendapat persetujuan semua ahli JKKP semasa. JPKPKP dikekalkan semasa penstrukturan semula FTKM kepada FKTM. 	-

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<ul style="list-style-type: none"> • JPKPKP FKTM berfungsi sebagai:- <ul style="list-style-type: none"> i. Badan penasihat dalam hal keselamatan dan kesihatan yang wujud di sekitar tempat kerja. ii. Perlaksana dasar keselamatan universiti. iii. Menjalankan program kesedaran bagi menggalakkan budaya kerja selamat di FKTM. • Peranan dan tanggungjawab ahli-ahli JPKPKP FKTM adalah disediakan dalam garis panduan pengurusan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan OSHMS-1 (pindaan 14 April 2022). Akan tetapi, JPKPKP FKTM mempunyai timbalan pengerusi yang tidak dinyatakan dalam garis panduan. Perkara ini telah diperincikan dalam dokumen fungsi-fungsi JPKPKP FKTM. • Persamaan dan perbezaan fungsi dan peranan wakil majikan dan wakil pekerja dalam JPKPKP FKTM adalah berdasarkan garis panduan. <p>Persamaan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menghadiri mesyuarat JPKPKP. - Bekerjasama memastikan JPKPKP berfungsi secara berkesan. <p>Perbezaan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Wakil majikan : Memastikan pematuhan kepada Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1996. - Wakil pekerja : Membawa dan membincangkan isu-isu KKP berbangkit bagi pihak staf. • Perlantikan Ts. Muhammad Khairy Md Naim sebagai wakil pekerja berdasarkan 5.7.4.1 "<i>Mana-mana staf yang tidak bertugas dalam pengurusan Jabatan/Fakulti boleh dilantik sebagai wakil pekerja.</i>" dalam garis panduan. Ts. Muhammad Khairy Md Naim diamanahkan untuk membawa usul-usul dari staf di zon FKTM D (sehingga FKTM D selesai diserahkan kepada pusat TVET) dan staf pejabat FKTM. • Sebarang usul dari pekerja bakal dibincangkan di peringkat JPKPKP FKTM dan akan dibawakan ke mesyuarat JKKP induk UniMAP (sekiranya terdapat keperluan). 	
5	<p><i>Sistem pelaporan kemalangan (SHE)</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • COSHE telah membangunkan sistem pelaporan kemalangan (SHE) dan boleh dilaporkan di laman web (https://she.unimap.edu.my). • Pelaporan kemalangan adalah diwajibkan walaupun kemalangan yang dikategori sebagai <i>near miss</i>. • Pelaporan semua kemalangan perlu dilakukan dengan segera selepas kemalangan berlaku oleh ketua makmal atau ketua zon. • Prosedur pelaporan SHE boleh diakses melalui pilihan RUJUKAN > Prosedur Pelaporan. • Pelaporan SHE perlu untuk menyediakan pengkalan data untuk analisa HIRARC pada masa hadapan. 	Wakil majikan (Kampus Pauh & UniCITI)
6	<p><i>Laporan bulanan prestasi keselamatan dan kesihatan oleh JPKPKP FKTM kepada COSHE</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Setiausaha / pengurus JPKPKP FKTM perlu menyediakan laporan bulanan prestasi keselamatan dan kesihatan kepada COSHE setiap bulan. • Laporan bulanan ini boleh diakses melalui laman web COSHE atau https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSe0SLLOxrVik_IkeLNr4vvy9iIWmjNklueixCcQ3BzOnI4MEA/viewform. 	Setiausaha
7	<p><i>Pelan-pelan tindakan NCR yang lepas</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiada NCR yang belum dibincangkan di JPKPKP FKTM. • Penutupan laporan NCR dari pihak COSHE masih belum dilakukan atau diterima oleh pihak JPKPKP FKTM. 	-

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
8	<p>Status dan perancangan untuk zon FKTM D</p> <ul style="list-style-type: none"> Semua makmal dan bengkel yang terdapat dalam zon FKTM D telah dipersetujui untuk diserahkan kepada pusat TVET dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi UniMAP. Akan tetapi, proses penyerahan belum selesai dilakukan. Maka aspek keselamatan dan kesihatan di zon FKTM D masih di bawah tanggungjawab FKTM. Ts. Muhammad Khairy Md Naim sebagai wakil pekerja untuk zon FKTM D sehingga selesai penyerahan. 	Ts. Muhammad Khairy Md Naim
9	<p>Senarai semak pemeriksaan penilaian tempat kerja dan hasil dapatan untuk 1/2023</p> <ul style="list-style-type: none"> COSHE telah membangunkan senarai semak pemeriksaan penilaian tempat kerja. Senarai semak ini boleh diakses melalui website COSHE (https://coshe.unimap.edu.my/index.php/ms/jawatankuasa-keselamatan-kesihatan). Pemeriksaan penilaian tempat kerja perlu dilakukan oleh pihak fakulti secara berkala dan juga sebelum audit COSHE. Senarai semak ini telah diedarkan kepada ketua zon masing-masing agar dapat diedarkan kepada PIC makmal masing-masing pada awal Februari 2023 sebagai latihan kepada sistem baharu ini dan mengenalpasti risiko atau kelemahan keselamatan yang sediaada dalam fakulti. Penilaian perlu dilakukan oleh PIC makmal untuk persekitaran dalam makmal. Manakala, persekitaran di laur makmal perlu dinilai oleh ketua zon masing-masing. Hasil dapatan perlu dikumpulkan kepada setiausaha JPKPKP FKTM. Hasil dapatan untuk FKTM A, FKTM B dan FKTM D adalah seperti dalam MS Excel yang bertajuk "Hasil semakan pemeriksaan penilaian tempat kerja.xlsx". En. Rosiswardi Rusli menyatakan hasil dapatan untuk FKTM C telah diperolehi dan dikumpulkan dalam satu jadual memandangkan seorang PIC diamanahkan sekitar 5 makmal/bengkel di FKTM C (kampus UniCITI). Tc. Narzrezal Abdul Razak mencadangkan untuk mendigitalkan proses pemeriksaan penilaian tempat kerja untuk memudahkan kerja dan mengurangkan penggunaan kertas. Perkara ini telah dipersetujui oleh semua ahli. Cadangan penambahbaikan akan disampaikan kepada COSHE untuk dipertimbangkan. Turut dicadangkan oleh Tc. Narzrezal Abdul Razak untuk mendigitalkan proses pemeriksaan penilaian tempat kerja di peringkat FKTM sekiranya COSHE tidak setuju. Ts. Dr. Tan Wee Choon akan mencadangkan proses pendigitalan yang sesuai untuk dilaksanakan di peringkat FKTM. Ts. Dr. Tan Wee Choon menyatakan bahawa terdapat beberapa kelemahan terdapat proses pemeriksaan penilaian tempat kerja dan hasil dapatan dari latihan yang dilakukan. Antaranya adalah seperti : <ul style="list-style-type: none"> i. Pemahaman pemeriksa terhadap senarai semak yang dibangunkan. Ts. Dr. Tan Wee Choon akan berbincang dengan COSHE berkaitan dengan kelemahan ini. Cubaan untuk mendapat taklimat dari COSHE akan dilakukan. ii. Hasil dapatan dari pemeriksaan yang dijalankan perlu dikumpulkan sebelum analisis boleh dilakukan ke atasnya. Perkara ini diharapkan dapat diatasi dengan proses pendigitalan. iii. Terdapat kesetidakseragaman dapatan yang memerlukan proses semakan terhadap kesahihan data yang diperolehi. Ts. Dr. Tan Wee Choon akan berhubung dengan juruteknik setiap makmal/bengkel. Hasil dapatan selepas kepastian kesahihan akan digunapakai untuk analisa risiko keselamatan dalam FKTM. Perancangan strategik dapat dilaksanakan secara berperingkat untuk mengurangkan risiko keselamatan. 	<p>Wakil majikan (Kampus Pauh & UniCITI)</p> <p>Setiausaha</p> <p>Setiausaha</p> <p>Setiausaha</p> <p>Semua ahli</p>
10	<p>Kursus-kursus kompetensi yang berkaitan dengan keselamatan, persekitaran dan kesihatan pekerjaan</p> <ul style="list-style-type: none"> Satu senarai kursus-kursus kompetensi yang berkaitan dengan keselamatan, persekitaran dan kesihatan pekerjaan telah dibangunkan oleh COSHE ekoran dari proses audit yang lepas. 	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<ul style="list-style-type: none"> • Kebanyakan kursus adalah wajib kepada semua kategori staf. Terdapat juga kursus-kursus yang diperlukan untuk pelajar dan kontraktor. • Disebabkan faktor had maksimum peserta sebanyak 40 orang, buat sementara waktu tiada tempoh tamat sahlaku untuk kursus-kursus kompetensi diperkenalkan. • Pengerusi JPKPKP FKTM mohon keutamaan penyertaan kursus-kursus kompetensi diberikan kepada ahli-ahli jawatankuasa pengurusan risiko keselamatan yang berkaitan. • Tc. Narzrezal Abdul Razak mencadangkan untuk ambil peluang reset kursus-kursus kompetensi yang pernah dihadiri oleh semua ahli sebelum ini. Satu senarai calon akan dirancang agar semua ahli boleh mendaftar kursus-kursus kompetensi sebaik dihebahkan. • Ts. Dr. Tan Wee Choon akan menyediakan satu senarai calon yang terdiri daripada ahli-ahli yang menguruskan risiko keselamatan, persekitaran dan kesihatan pekerjaan di FKTM. 	Setiausaha
11	<p><i>Pelan tahun 2023 aktiviti-aktiviti JPKPKP FKTM</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Satu senarai kursus-kursus dan program-program yang berkaitan dengan pengurusan risiko keselamatan yang dianjurkan oleh COSHE telah disediakan dalam MS Excel yang bertajuk "Perancangan KKP.xlsx". • Fakulti diminta oleh COSHE untuk merancang beberapa kursus atau program yang bersesuaian untuk tahun 2023. • Audit pemantauan FKTM telah dijadualkan pada 23 May 2023. Sebelum audit, proses pemeriksaan penilaian tempat kerja perlu dilaksanakan. • COSHE turut menyeru kepada JPKPKP FKTM untuk mempromosi OSH week yang dijadualkan pada 25 - 26 Mei 2023. • JPKPKP FKTM memutuskan agar tidak menganjurkan sebarang kursus tambahan atas faktor berazam untuk memperkasakan sistem pengurusan risiko keselamatan, persekitaran dan kesihatan pekerjaan sediaada di peringkat FKTM. • Perbincangan telah dilakukan dengan pengurus buangan terjadual, tiada kursus dicadangkan. • Perbincangan dengan pengurus bahan kimia, pengurus mekanikal, dan ahli-ahli ERT akan dilakukan oleh setiausaha JPKPKP FKTM. Sekiranya terdapat kursus atau program yang bersesuaian, ia akan dimasukkan ke perancangan KKP untuk tahun 2023. • Ts. Dr. Tan Wee Choon mencadangkan untuk mengadakan program pemeriksaan kesihatan kepada warga FKTM dan dimasukkan sebagai salah satu program JPKPKP FKTM dalam tahun 2023. • Tc. Narzrezal Abdul Razak menyatakan terdapat wakil dari KKM yang pernah mengemukakan hasrat untuk memberikan pemeriksaan kesihatan. Tc. Narzrezal Abdul Razak diamanah untuk berhubung dengan wakil tersebut dan maklum balik kepada JPKPKP FKTM. Pengerusi bersetuju untuk menyediakan peruntukan untuk tujuan penghargaan terhadap sumbangan kejayaan program (sekiranya berjaya dianjurkan). 	<p>Semua ahli</p> <p>Semua ahli</p> <p>Setiausaha</p> <p>Tc. Narzrezal Abdul Razak</p>
12	<p><i>Pengurusan keselamatan mesin & jentera FKTM</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Adalah menjadi tanggungjawab untuk memastikan semua mesin dan jentera dikawalselia dan diselenggara dengan sistematik di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139). • Antara Mesin dan Jentera UniMAP yang perlu didaftarkan dan mempunyai Sijil Perakuan Kelayakan (CF) setiap lima belas bulan sekali dengan pihak Jabatan Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan (JKKP) yang tertakluk di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139) melibatkan tiga kategori jenis permit dan perlu melalui pra pemeriksaan, ujian dan pentauliahan adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Permit mesin angkat ii. Permit mesin dandang 	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>iii. Permit mesin tekanan (tak termasuk gas silinder).</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tc. Narzrezal Abdul Razak merupakan pengurus mekanikal FKTM. • FKTM mempunyai mesin angkat dan mesin tekanan yang memerlukan permit-permit yang berkaitan. Mesin angkat di FKTM telah selesai proses pembaharuan permit. • Semua mesin tekanan dalam bangunan adalah di bawah seliaan dan tanggungjawab Jabatan Pembangunan UniMAP. Manakala mesin tekanan yang disediakan bersebelahan dengan mesin atau peralatan yang dibeli semasa pembelian mesin adalah di bawah tanggungjawab fakulti. Seperti perbincangan dalam perjumpaan yang lepas, terdapat mesin-mesin tekanan yang perlu dilupuskan atas faktor ketidakbolehan untuk melakukan pemeriksaan dan ujian. Atas faktor mesin-mesin tekanan ini masih diperlukan untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran, mesin-mesin ini akan dilupus dan digantikan dengan mesin baharu berdasarkan kemampuan kewangan semasa. • Tc. Narzrezal Abdul Razak menyatakan kos yang perlu ditanggung oleh fakulti untuk melakukan pemeriksaan dan ujian adalah sekitar RM4k untuk setiap mesin tekanan. Memandangkan faktor proses pemeriksaan dan ujian perlu dilakukan oleh kontraktor yang berdaftar dengan pihak berkaitan dan pihak fakulti kekurangan pengalaman dalam hal ini, adalah dicadangkan untuk Jabatan Pembangunan kordinasi proses pemeriksaan dan ujian untuk semua mesin tekanan. Ia akan dimasukkan sebagai usul di JKPP induk UniMAP. • Pengerusi akan berusaha untuk melupuskan satu unit mesin tekanan dan digantikan dengan satu unit mesin tekanan yang boleh menjalani pemeriksaan dan ujian untuk permohonan permit mesin tekanan dengan budget tahunan 2023. 	Setiausaha
13	<p>Usul FKTM di mesyuarat JKPP induk 1/2023</p> <ul style="list-style-type: none"> • Biasanya JPKPKP akan bermesyuarat dan mengemukakan sebarang usul yang difikirkan perlu dibincang di peringkat JKPP induk UniMAP. Akan tetapi, disebabkan JPKPKP FKTM baru sahaja selesai pelantikan ahli-ahli untuk tempoh yang baharu maka usul dari FKTM dicadangkan oleh Ts. Dr. Tan Wee Choon dan dibincangkan dengan pengerusi sebelum dikemukakan. • Sebanyak empat usul telah dikemukakan, iaitu:- <ul style="list-style-type: none"> i. Penyusunan semula jawatankuasa KKP, pengurusan bahan kimia, pengurusan buangan terjadual, pengurusan sinaran, pengurusan mekanikal, pengurusan bio-keselamatan dan pengurusan ERT dalam satu carta. ii. Mempertimbangkan kursus yang pernah dianjurkan dalam UniMAP yang boleh dipersetarakan dengan kursus-kursus kompetensi. iii. Pemasangan televisyen litar tertutup (CCTV) untuk tujuan pemantauan dan rekod di kandang di sebelah makmal kimia bahan (FKTM 1, UniCITI), Studio reka bentuk produk (FKTM 15, UniCITI) dan Studio reka bentuk produk (FKTM 16, UniCITI) yang mana pelajar boleh akses selepas waktu pejabat. iv. Pemasangan televisyen litar tertutup (CCTV) untuk tujuan pemantauan dan rekod di makmal kimia bahan (FKTM 1, UniCITI) yang mempunyai risiko keselamatan yang tinggi akibat ketidakboleh-laksanaan pemantauan sepanjang masa terhadap pelajar-pelajar semasa penggunaan bahan kimia. • Akan tetapi, hanya usul kedua yang berjaya dimasukkan dan dibincangkan dalam mesyuarat JKPP induk UniMAP. • Pengerusi menyatakan keperluan untuk menyusun semula jawatankuasa yang mempunyai fungsi-fungsi untuk mengurangkan risiko keselamatan walaupun skop yang berlainan di peringkat fakulti. Semua ahli JPKPKP telah bersetuju untuk melaksanakan penyusunan semula mengikut usul yang pertama dalam fakulti. Setiausaha JPKPKP akan menjemput ahli-ahli jawatankuasa pengurusan bahan kimia, jawatankuasa pengurusan buangan terjadual, jawatankuasa pengurusan mekanikal dan jawatankuasa pengurusan ERT bermula perjumpaan JPKPKP FKTM yang akan datang. 	Setiausaha

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<ul style="list-style-type: none"> Pengerusi menyatakan sebarang kemudahan yang boleh diakses oleh pelajar selepas waktu pejabat memerlukan pemantauan meskipun universiti awam yang lain. Arahan baharu telah diambil oleh pengerusi untuk menutup semua makmal/bengkel yang memberi akses kepada pelajar selepas waktu pejabat. Akan tetapi, sekiranya tenaga pengajar memerlukan pelajar untuk akses selepas waktu pejabat, permohonan kepada dekan diperlukan dan pemantauan dari tenaga pengajar dan/atau PIC makmal/bengkel perlu disediakan susulan dari usul ketiga. Tc. Narzrezal Abdul Razak mencadangkan untuk memasang CCTV wifi yang berkos munasabah yang boleh didapati di platform online shopping. Pengerusi bersetuju untuk cubaan pemasangan CCTV wifi sebanyak 4 unit di makmal bahan kimia (FKTM 1, UniCITI), Studio reka bentuk produk (FKTM 15, UniCITI) dan Studio reka bentuk produk (FKTM 16, UniCITI) susulan dari usul keempat. En. Muhamad Qauyum Zawawi Ahmad Suffin diamanahkan untuk mencadang CCTV yang bersesuaian dan lokasi pemasangan yang sesuai di makmal/bengkel yang berkaitan. 	<p>Wakil majikan (Kampus UniCITI)</p> <p>En. Muhamad Qauyum Zawawi Ahmad Suffin</p>
14	<p>Hal-hal berbangkit</p> <ul style="list-style-type: none"> Satu website rasmi JPKPKP FKTM (https://jkkp-fkfm.unimap.edu.my) telah diluluskan oleh pihak DMDC UniMAP. Setiausaha JPKPKP FKTM akan membangunkan maklumat dalam website tersebut dan maklumat-maklumat untuk jawatankuasa pengurusan pengurusan bahan kimia, jawatankuasa pengurusan buangan terjadual, jawatankuasa pengurusan mekanikal dan jawatankuasa pengurusan ERT turut akan dimasukkan dan link kepada website rasmi fakulti. Email khas JPKPKP FKTM telah dipohon. Email ini membenarkan maklum balas secara rasmi dan menyediakan Google Drive untuk menyimpan dokumen-dokumen yang berkaitan. Pembangunan SOP untuk prosedur SOP yang baharu, prosedur kemaskini SOP sedia ada dan prosedur SOP pelupusan SOP yang tidak digunapakai lagi. Usul ini pernah dikemukakan oleh Ts. Dr. Tan Wee Choon pada perjumpaan JPKPKP yang lepas. Ts. Dr. Tan Wee Choon mencadangkan pembangunan SOP dan dibentangkan pada perjumpaan akan datang. Terdapat keperluan untuk penambahbaikan fungsi JPKPKP FKTM. Penambahbaikan ini akan disediakan oleh setiausaha dan dibentang dalam perjumpaan akan datang untuk mendapat persetujuan majoriti. Ts. Dr. Syamir Alihan Showkat Ali mengemukakan usul untuk mewujudkan tanda-tanda risiko keselamatan di setiap kawasan yang berisiko keselamatan termasuk makmal/bengkel yang memerlukan PPE. Usul ini telah dipersetujui oleh semua ahli. Akan tetapi, perbincangan selanjutnya diperlukan untuk mengenalpasti jenis-jenis tanda yang diperlukan. Ts. Dr. Tan Wee Choon mencadangkan tanda-tanda selepas perbincangan dengan wakil-wakil majikan di kedua-dua kampus Pauh dan UniCITI. Sebelum ini, JPKPKP FKTM telah diberi amanah untuk membangunkan MyLink. Akan tetapi, pihak pengurusan tertinggi FKTM belum memberi kebenaran ke atas pelaksanaan MyLink. Pengerusi selaku dekan FKTM telah memberi kebenaran atas pelaksanaan MyLink. Aktiviti pelancaran MyLink akan diumumkan kepada warga FKTM bersama dengan pelancaran sistem pengurusan bahan kimia semasa aktiviti peringkat fakulti yang bersesuaian. Aktiviti-aktiviti promosi JPKPKP, pelaporan kemalangan (SHE) dan analisa HIRARC perlu ditanam dan dibudayakan dalam fakulti. Poster carta JPKPKP bersama dengan kod QR untuk pelaporan kemalangan (SHE) dan sebagainya akan dibangunkan. Pemadam-pemadam api di FKTM B yang di bawah seliaan fakulti memerlukan budget untuk mendapat pensijilan semula dalam tahun 2023. Anggaran peruntukan di bawah RM 500. Dekan telah bersetujui untuk memperuntukkan budget tersebut. 	<p>Setiausaha</p> <p>Setiausaha</p> <p>Setiausaha</p> <p>Setiausaha</p> <p>Semua ahli</p> <p>Setiausaha</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
15	<p>Penutup oleh pengerusi JPKPKP FKTM</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ucapan terima kasih dan memohon agar semua ahli JPKPKP FKTM untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberi. • Budaya pengurusan risiko keselamatan perlu ditanam di kalangan warga FKTM. • Keperluan untuk menjemput ahli-ahli jawatankuasa pengurusan risiko keselamatan yang lain dalam FKTM semasa perjumpaan akan datang. • Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11:30 pagi. 	

Disediakan oleh:



(Ts. Dr. Tan Wee Choon)

Setiausaha / Pengurus JPKPKP FKTM

DR. TAN WEECHOON

Senior Lecturer


Mechanical Engineering Programme

Faculty of Mechanical Engineering Technology

Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)

Email : tweechoon@unimap.edu.my

Disahkan oleh:



(Prof. Ir. Dr. Mohd Shukry Abdul Majid)

Pengerusi JPKPKP FKTM

PROF. IR. DR. MOHD SHUKRY ABDUL MAJID

Dekan

Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Mekanikal (FKTM)

Universiti Malaysia Perlis

shukry@unimap.edu.my